

14 DEC 1999

Mahathir-Perpaduan

USAHA MEMUPUK PERPADUAN PERLU KESEDARAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha memupuk perpaduan di kalangan umat Islam memerlukan kesedaran dan penglibatan semua pihak.

Beliau berkata golongan yang berwibawa dalam bidang agama perlu bekerjasama memberikan pandangan yang positif untuk kesejahteraan ummah.

"Pada masa yang sama, pemimpin dan masyarakat pula wajib bertanggungjawab serta berusaha mewujudkan suasana harmoni serta mengelakkan daripada menimbulkan suasana yang tidak menentu di kalangan masyarakat," kata beliau dalam kata-kata aluan di buku cenderamata Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-41.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melakukan upacara perasmian majlis itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata sebarang tindakan yang menimbulkan sikap permusuhan boleh dianggap sebagai perosak masyarakat dan dikutuk oleh Allah.

Dua puluh tujuh qari dan 16 qariah dari 28 negara mengambil bahagian pada tilawah tahun ini. Peserta malam ini ialah dari China, Filipina, Afrika Selatan dan Thailand.

Beliau berkata pemilihan tema tilawah tahun ini -- Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan -- menunjukkan pentingnya perpaduan bagi menjamin kemajuan dan kejayaan masyarakat Islam di negara ini khususnya dan di seluruh dunia amnya.

"Namun begitu kebelakangan ini umat Islam semakin terdedah kepada perpecahan yang berpunca daripada wujudnya sikap tidak mahu mengambil iktibar dari sejarah silam, bertindak melulu dan terlalu mengikut emosi.

"Di samping itu terdapat juga di kalangan umat Islam yang bersikap lebih suka menyalahkan orang lain, tetapi melupai dan tidak menyedari kelemahan dirinya sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir menggesa umat Islam supaya memperkukuh semula perpaduan sambil mempertingkatkan usaha membangunkan negara, demi kegemilangan agama, bangsa dan negara.

--BERNAMA

NY zb